



# Sekolah berkualiti

SMK Sultan Badlishah lahir ramai tokoh, terima pelbagai anugerah akademik, kokurikulum

**Sekolah Terbilang**

Oleh Samsudin Oli Mohamed  
upen@bharian.com.my

B.H 4/3/09 M/S 14

**R**EPUTASImerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum menjadikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Badlishah, Kulim muncul antara sekolah terbaik di Kedah dan dikenali di peringkat kebangsaan.

Di bawah pimpinan Penguatkuasaan, Aziziah Rasol sejak 2001, sekolah itu kini melakar pelbagai kejayaan membanggakan, selain ia berjaya melahirkan ramai tokoh terbilang sejak penubuhannya pada 1948.

Antaranya bekas Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzil; bekas Pengurus Bola Sepak Kedah, Datuk Paduka Ahmad Basri Mohd Akil; bekas Ketua Hakim Negara, Datuk Abd Kadir Sulaiman, dan bekas Menteri Dalam Negeri, Allahyarham Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Memperoleh Anugerah Kualiti Menteri Pelajaran pada 2004 dan 2006, Anugerah Sekolah Cemerlang Kategori Harian Bandar (2008) serta Anugerah Pengurusan Kokurikulum Peringkat Kebangsaan membuktikan sekolah itu mempunyai potensi dan kualiti dalam menghasilkan pelajar cemerlang.

Kecemerlangan dalam akademik terbukti apabila keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun lalu mencatatkan 143 pelajar memperoleh semua A, manakala lulus 100 peratus dalam Sijil Pelajaran Malaysia pada 2007.

Dalam bidang kokurikulum



pula, sekolah itu beberapa kali memenangi pertandingan peringkat kebangsaan seperti Kadet Remaja Sekolah, perkhemahan dan unit beruniform serta pancaragam.

Aziziah berkata, kejayaan itu hasil kerja berpasukan yang ditunjukkan guru, kakitangan serta Persatuan Ibu bapa dan Guru, selain sokongan bekas pelajar sekolah berkenaan.

Katanya, kerjasama pejabat pelajaran daerah, Jabatan Pelajaran Kedah dan Kementerian Pelajaran memberi bimbingan serta sokongan dalam meningkatkan pengurusan dan pembangunan menjadi pemangkin warga SMK Sultan Badlishah meneruskan kecemerlangan.

Malah, beliau bersyukur dengan kerjasama dan disiplin tinggi ditunjukkan pelajar sekolah itu membantu pihak pengurusan mengurus dengan berkesan.

Sementara itu, Penolong

**“**Rentetan kejayaan dicapai, masyarakat akan terus mengenali SMK Badlishah sebagai sekolah berprestij”

**Aziziah Rasol**  
Penguatkuasaan  
SMK Sultan Badlishah



**Puzer Muhamad**

Kanan Pentadbiran, Puzer Muhamad, berkata pihaknya berusaha mengekalkan kecemerlangan dalam memastikan pelajarinya menjadi modal insan berguna kepada masyarakat.

Katanya, beberapa strategi disusun supaya matlamat ditetapkan tercapai.

Dengan komitmen guru, Puzer percaya sekolah berkenaan mampu mengekalkan prestasi dan menjadi institusi disegani bukan saja di Kedah, bahkan di peringkat kebangsaan.

“Rentetan kejayaan dicapai, masyarakat akan terus mengenali SMK Badlishah sebagai sekolah berprestij,” katanya kepada *Berita Harian*, baru-baru ini.

Seorang guru sekolah berkenaan, Hisyamudin Samsudin, berkata tenaga pengajar memberikan komitmen tinggi dalam bidang masing-masing untuk menjaga kecemerlangan sekolah.

Beliau yang juga guru penyelaras *Formula One in School*, berkata sekolahnya pernah memenangi pertandingan itu di peringkat zon utara, sekali gus memenangi anugerah ‘*Innovative Thinking*’.

“Berkat kerjasama jitu, tidak mustahil bagi kami untuk mengekalkan pencapaian dimiliki,” katanya.

#### FAKTA NOMBOR

**100**  
peratus

Pelajar lulus SPM  
pada 2007

**143**  
pelajar

Memperoleh semua A  
dalam PMR tahun lalu